

## **BAB 2**

### **LATERBELAKANG PERIBADI KONTRAKTOR BUMIPUTERA DI PETALING JAYA DAN SUBANG JAYA SELANGET.**

Sebagaimana yang disebutkan, kajian ini adalah mengenai 20 orang kontraktor binaan Bumiputra di Petaling Jaya dan Subang Jaya. Dalam bab ini, akan dibincangkan mengenai laterbelakang peribadi responden termasuklah umur, status perkahwinan, laterbelakang dahulu, pendidikan dan aktiviti masa lapang mereka ini. Jantina semua responden adalah lelaki.

Jedual 3

#### **KONTRAKTOR-KONTRAKTOR MENGIKUT UMUR**

Peringkat umur (tahun)	Bilangan peserta (orang)	Peratus (%)
20 - 30	1	5
31 - 40	4	20
41 - 50	4	20
51 - 60	9	45
61 ke atas	2	10
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal-selidik Yang Diedarkan

1. Jadual-jadual seterusnya yang tidak dinyatakan sumber merupakan sumber daripada borang soal-selidik yang diedarkan.

Secara keseluruhannya, 55% responden berada dalam lingkungan umur di antara 31 tahun hingga 60 tahun. Hanya 15% yang berada di luar lingkungan ini.

Responden yang termuda berusia 27 tahun dan menceburι bidang binaan 7 tahun yang lalu setelah mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekutuan (STP) dan gagal memasuki mana-mana universiti. Sungguhpun dia masih muda, pengkaji mendapati dia berpengalaman dan mempunyai rekod kerja yang memuaskan.

Responden yang tertua pula berusia 62 tahun dan masih aktif lagi. Dia berada di kelas "Bx" dan mengendalikan syarikatnya bersama dua orang anaknya. Dia mengatakan dia masih lagi bekerja kerana dia ingin memimpin anak-anaknya mengenai selok-belok perniagaan dan tidak menganggap dirinya terlalu tua untuk bekerja.

Responden yang berada di kelas tertinggi "A" hanya berumur 37 tahun tetapi mempunyai pengalaman yang luas serta rekod kerja yang cemerlang. Dia mula menceburι bidang binaan sebagai buruh semasa berusia 17 tahun untuk menolong keluarganya yang miskin. Pengkaji mendapati dia merupakan kontraktor yang mengetahui segala selok-belok bidang binaan berbanding dengan kontraktor-kontraktor yang lain. Ini kerana dia bermula dari peringkat bawah dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang ini.

**Tempat Asal Responden****Jadual 4****PECAHAN RESPONDEN MENGIKUT NEGERI ASAL**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Peserta (orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Selangor	5	25
Kelantan	2	10
Negeri Sembilan	3	15
Perak	5	25
Johor	3	15
Pahang	2	10
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>100</b>

Yang dimaksudkan dengan tempat asal dalam konteks ini adalah tempat kelahiran seseorang itu. Separuh daripada responden berasal dari Selangor (25%) dan Perak (25%). Ini menunjukkan bahawa mereka bekerja tidak jauh daripada tempat kelahiran mereka.

Kontraktor-kontraktor yang berasal dari Selangor mendapati adalah lebih senang bekerja di negeri sendiri mereka kerana mereka mempunyai ramai saudara-mara yang sama-sama bergiat dalam bidang binaan. Oleh kerana kebanyakannya daripada mereka menubuhkan syarikat bersama-sama dengan adik-beradik mereka yang juga

tinggal di Selangor, maka syarikat-syarikat mereka yang dikendalikan mereka mengendalikan syarikat-syarikat di Selangor.

Kontraktor yang berasal dari negeri-negeri lain, seperti Johor dan Pahang, mempunyai kelebihan dari segi mendapatkan kontrak-kontrak dari negeri asal mereka. Syarikat mereka dikendalikan di Selangor tetapi pada masa yang sama, mereka mengadakan projek-projek di negeri-negeri lain khasnya di negeri kelahiran mereka di mana mereka lebih mengetahui tender-tender yang ditawarkan.

Kontraktor-kontraktor yang dikaji berasal daripada berbagai negeri. Mereka mengatakan bahawa kawasan Petaling Jaya dan Subang Jaya mempunyai berbagai kelebihan untuk mereka sebagai ahli perniagaan. Kawasan ini adalah berdekatan dengan Kuala Lumpur dan peluang untuk mendapatkan pelbagai projek besar dan kecil adalah lebih banyak, berbanding dengan negeri-negeri lain.

Kawasan Petaling Jaya dan Subang Jaya mempunyai kemudahan perniagaan yang baik seperti kemudahan mendapatkan bahan binaan, pekerja, pengangkutan dan lain-lain yang kurang didapati di negeri asal mereka.

Mereka mengatakan bantuan tersebut bantu kerjaya mereka sebaliknya untuk melanjutkan studi dan mendukungkan perniagaan sebanyak sebulan (68%), sementara 30% balik ke negeri sebalik mereka 2 - 3 bulan sekali sementara 20% daripada responden balik sekali dalam 6 bulan sementara 10% hanya balik apabila dirasakan perlu seperti pada Hari Raya Aidilfitri.

### 2.3 Status Pertahwinan

95% daripada responden yang ditemui telah berkahwin dan mempunyai anak. Hanya seorang sahaja (5%) responden yang belum berkahwin. Responden itu mengatakan bahawa dia terlalu sibuk dengan urusan perniagaannya dan tidak mempunyai masa untuk bersosialisasi. Dia ingin menumpukan sepenuh perhatian pada syarikat dan pekerja-jepekerjanya. Dia menyatakan bahawa dia mungkin akan berkahwin dalam masa 3 tahun lagi iaitu apabila berusia 30 tahun.

Responden-resonden yang lain semuanya mempunyai anak dan empat daripada mereka mempunyai cucu. Mereka mengatakan bahawa anak-anak mereka merupakan antara faktor-faktor dorongan mereka untuk bekerja dengan gigih kerana mereka ingin memberi kelebihan-kemudahan kepada anak mereka.

Seorang daripada mereka sedang menyara anaknya belajar perubatan di India dan tiga orang lagi sedang menanggung kos perbelanjaan anak-anak mereka belajar di Amerika Syarikat. Oleh kerana kos kehidupan yang tinggi di negara-negara tersebut, mereka perlu membayar sejumlah wang yang besar.

Faktor lain ialah faktor kos kehidupan yang tinggi di sekitar Petaling Jaya dan Subang Jaya. Kontraktor-kontraktor ini terpaksa bekerja keras demi keselesaan isteri dan anak-anak mereka.

Seorang kontraktor yang ditemui mempunyai dua orang isteri, tetapi isteri keduanya tinggal di kampung asalnya di Johor. Sementara itu seorang kontraktor yang lain telah kematian isterinya 15 tahun yang lalu, tetapi telahpun kahwin semula dengan adik bekas isterinya.

Dua lagi kontraktor telah berterai dengan isteri pertama mereka oleh kerana "tiada persefahaman" lagi dan telah kahwin semula. Seorang kontraktor yang telah berkahwin semula menyatakan bahawa isteri pertamanya tidak memahami kerjanya sebagai kontraktor binaan dan telah berlaku ketidaksefahaman lagi.

**Bilangan Anak****Jadual 7****Bilangan Anak Kontraktor-Kontraktor Yang Ditakli**

Bilangan Anak	Bilangan Responden	Peratus (%)
0	1	5
1 - 3	8	40
4 - 6	8	40
7 - 9	3	15
	20 orang	100

Dari jadual di atas, didapati bahawa 80% mempunyai bilangan anak antara seorang hingga enam orang. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak suka keluarga yang terlalu besar dan juga membuktikan trend keluarga di bandar yang lebih cenderung ke keluarga yang kecil. Kos perbelanjaan yang tinggi yang terpaksa dibayar untuk memelihara seorang anak di bandar serta inflasi juga merupakan faktor-faktor lain yang menyebabkan keluarga kecil lebih disukai.

Kebanyakan anak-anak naraka adalah lebih daripada 10 tahun dan berskolah di peringkat menengah dan universiti. Pengkaji mendapati bahawa kontraktor-kontraktor yang ditemui sentiasa menekankan kepentingan pelajaran kepada anak-anak mereka. Mereka nampaknya merupakan orang-orang seperti sedar tentang perlunya ilmu pengetahuan dalam kehidupan masa kini.

Kontraktor-kontraktor yang ditemui menyatakan bahawa mereka tidak akan menghalang anak-anak mereka menjadi kontraktor binaan apabila dewasa, tetapi mereka lebih suka jika anak-anak mereka menjadi seorang profesional seperti doktor, jurutera dan lain-lain.

Tetapi ada dua orang kontraktor yang menyatakan bahawa mereka akan mendorong anak lelaki mereka untuk mewarisi perniagaan mereka. Kedua anak lelaki mereka menuntut di Institut Teknologi MARA. Seorang merupakan seorang pelajar Kejuruteraan Sivil manakala seorang lagi menuntut dalam bidang Binaan (Building). Oleh kerana kedua-dua bidang ini amat berkaitan dengan pekerjaan dan perniagaan bapa mereka, maka mereka diharapkan memasuki syarikat bapa mereka apabila lulus kelak.

## Pelajaran Responden

Jadual 8

### Latarbelakang Pelajaran Mereka

Jenis Pelajaran	Bil. Responden	Peratus (%)
Sekolah Menengah	13	65
Institut Kemahiran	1	5
Institut Teknologi	1	5
Universiti	5	25
Jumlah	20 orang	100

Seramai 13 responden (65%) mendapat pendidikan setakat sekolah menengah sahaja, iaitu tamat tingkatan lima. Seorang kontraktor mendapat pendidikan di Institut Kemahiran Teknik di Pulau Pinang dalam bidang pemasangan wayar, "welding" dan mahir dalam kerja-kerja teknikal.

Seorang kontraktor mendapat pendidikan di bidang Komunikasi Massa di Institut Teknologi MARA, Shah Alam. Sungguhpun bidang komunikasi massa adalah sangat berbeza daripada bidang pembinaan, namun dia sedang berusaha dengan sungguh-sungguh untuk meningkatkan pengetahuannya dengan menyertai kursus serta tunjuk-ajar dari kontraktor-kontraktor yang

berpengalaman. Dia mendapati bahawa kemahirannya mengenai komunikasi dapat membantunya meningkatkan perhubungan awam syarikatnya.

Terdapat 5 orang kontraktor (25%) yang mempunyai ijazah daripada universiti tempatan dan universiti luar negeri. 2 orang kontraktor mendapat pendidikan di Universiti Malaya dalam bidang sains sosial iaitu dalam Pengajian Melayu, seorang adalah lulusan The Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT) yang bertaraf universiti dan terletak di Melbourne, Australia.

Seorang lagi adalah lulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Industri dari Amerika Syarikat dan seorang lagi lulusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor.

Pada pendapat pengkaji, responden-responden yang lulusan universiti dan lulusan sekolah menengah mempunyai peluang yang sama dalam bidang binaan. Ini kerana, dalam dunia perniagaan, lulusan akademik dan teknikal bukan menjadi ukuran kejayaan seorang ahli perniagaan.

Ada responden yang hanya lulusan sekolah menengah lebih berjaya daripada responden yang merupakan lulusan universiti. Mereka berjaya bukan kerana kelulusan atau mematuhi perintah orang lain, tetapi kerana mereka mempunyai kesanggupan dan kebolehan untuk berfikir dan bertindak sebagai usahawan dan kontraktor yang berjaya.

Pada keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa kebanyakan kontraktor berpendidikan formal dengan 25% daripadanya telah berjaya menamatkan pelajaran hingga ke peringkat universiti.

13 responden telah menghadiri berbagai kursus dan forum-forum, mengenai bidang binaan dan pengurusan. Kursus-kursus ini dianjurkan oleh pelbagai badan kerajaan dan swasta. Antara pengajur-pengajur termasuklah MARA, Maktab Teknik, Kementerian Perusahaan Utama dan lain-lain.

Terdapat juga kontraktor-kontraktor yang menjadi ahli persatuan pengurusan seperti Malaysian Institute of Management (MIM). Dia mengatakan dia dapat mempelajari cara-cara pengurusan yang lebih berkesan supaya dapat menghasilkan tingkat produktiviti yang tinggi. Seorang kontraktor lain pula menganggap kerja lamanya sebagai buruh merupakan pendidikan terbaik bagi mempelajari secara praktik mengenai bidang

binaan. Dia mengatakan apa yang diketahuinya tidak dapat dipelajari daripada buku-buku.

Kontraktor yang berada di kelas "A" pernah melawat negara Australia untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai pemasangan paip dan gas di negara tersebut. Dia ingin memperkenalkan teknologi yang terbaru, yang pada pendapatnya akan menaikkan mutu projek-projeknya pada masa akan datang.

Sungguhpun kebanyakan responden mempunyai akauntan dan jurutera sendiri, mereka mempelajari asas-asas perakaunan supaya mereka dapat memahami laporan kewangan syarikat dan memastikan agar wang mereka tidak disalanggunakan.

Kontraktor yang ditemui menyatakan mereka mesti tahu mengenai kejuruteraan dan pembinaan kerana mereka tidak mahu hanya bergantung kepada jurutera mereka semata-mata.

Pengkaji mendapati ada kontraktor yang tiada pendidikan mengenai kejuruteraan dapat menerangkan cara-cara pembinaan dengan begitu terperinci dan teknikal. Mereka menyatakan bahawa pengalaman mereka telah mendedahkan mereka kepada bidang itu.

Mereka juga menyatakan 'bahawa pengetahuan mengenai komputer adalah penting kerana semua maklumat dan fail boleh dimasukkan dalam komputer. Mereka juga menghantar kakitangan syarikat mereka ke kelas-kelas komputer.'

Kontraktor pada masa sekarang adalah lebih berani untuk mencebur i bidang baru binaan dan berinovasi dalam kerja mereka. Ini kerana mereka sekarang berbekalkan pengetahuan mengenai teknologi baru, asas-asas perakaunan, kejuruteraan, komputer dan lain-lain. Pengetahuan ini dapat meningkatkan produktiviti syarikat serta membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera bersaing dengan kontraktor-kontraktor dari kaum-kaum yang lain.

Pada kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa kontraktor pada zaman sekarang adalah berpengetahuan dan sentiasa cuba meningkatkan mutu kerja mereka.'

Sebelum kita mengkaji mengenai pekerjaan lama mereka, marilah kita mengkaji mengenai pekerjaan ibubapa mereka dan melihat adakah latarbelakang pekerjaan ibubapa mereka mempengaruhi pekerjaan kontraktor yang dikaji sekarang.

Jadual 9

Pekerjaan Ibu bapa Kontraktor-kontraktor Yang Diketahui

Bil.	Pekerjaan Bapa	Bilangan Responden	Peratus (%)
1	Guru	6	30
2	Peniaga	7	35
3	Kerani	2	10
4	Imam Masjid	1	5
5	Kakitangan Kerajaan	3	15
6	Pemain Muzik	1	5
Jumlah		20 orang	100

Ramai responden (35%) mempunyai bapa yang bekerja sebagai peniaga. Bapa mereka bekerja sebagai penjual sayur, pekedai runcit dan ada juga yang bekerja sebagai kontraktor binaan juga. Mereka ini mengatakan mereka telah didedahkan kepada dunia perniagaan sejak kecil lagi. Ada di antara mereka yang turut menolong bapa mereka berniaga selepas pulang dari sekolah. Mereka ini seolah-olah telah dididik dari kecil mengenai selok-belok perniagaan dan mengetahui faktor-faktor yang boleh membawa keuntungan dan kejayaan. Oleh itu, tidaklah hairan bahawa mereka turut mencebur i bidang perniagaan apabila dewasa.

• 30% daripada responden mempunyai bapa yang menjadi guru. Mereka ini pula pernah menjadi guru sebelum menjadi kontraktor. Mereka menyatakan bahawa sebagai anak seorang guru, mereka mendapat didikan yang berdisiplin, tegas dan bertanggungjawab. Ciri-ciri ini telah diserapkan ke diri mereka dan mereka mendapati ciri-ciri tersebut adalah antara faktor-faktor yang mendorong kejayaan perniagaan mereka.

25% daripada kontraktor mempunyai bapa yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan kerani. Mereka memiliki kerjaya yang lain daripada bapa mereka kerana ingin menceburi bidang yang baru. Mereka tidak mahu hanya makan gaji dan ingin menjadi lebih berharta. Oleh itu, mereka akhirnya memilih dunia perniagaan yang dianggap lumayan.

Seorang lagi mempunyai bapa yang kuat beragama dan telah menjadi imam masjid di kampungnya di Melaka. Sungguhpun kontraktor ini memilih kerjaya yang sangat berbeza dari bapanya pengkaji mendapati dia dipengaruhi oleh bapanya kerana dia tidak mengambil pinjaman dari bank kerana tidak bersetuju dengan konsep kadar bunga yang dianggap bertentangan dengan Islam.

**Seorang kontraktor sempunyal bapa yang bekerja  
sebagai pemain muzik tetapi bapanya telah meninggal  
dunia apabila dia berusia hanya 9 tahun.**

### **Pekerjaan Lama Kontraktor**

**Jadual 10**

#### **Pekerjaan Dahulu Kontraktor**

Bil.	Jenis Pekerjaan Dahulu	Bil. Kontraktor	Peratus (%)
1	Guru	13	65
2	Buruh	1	5
3	Pegawai Tadbir	3	15
4	Jurutera Sivil	1	5
5	Tidak Pernah Bekerja	2	10
Jumlah		20 orang	100 %

Kebanyakan kontraktor, iaitu 65% telah bekerja sebagai guru sekolah menengah. 12 daripada mereka telah berhenti sebelum menjangkau umur 40 tahun manakala yang seorang lagi telah berhenti apabila berusia 50 tahun.

Mereka berhenti bekerja dengan kerajaan kerana mereka tidak suka "makan gaji" dan ingin memanfaatkan pendapatan mereka. Mereka tidak suka mengambil perintah dari orang lain. Darongan dari kerajaan untuk menceburি bidang keusahawanan menjadi faktor yang menarik kontraktor Bumiputera ke bidang pembinaan.

Kontraktor-kontraktor yang pernah berkhidmat sebagai guru merasakan bahawa pekerjaan mereka sekarang adalah lebih merumitkan dan memberi pendapatan yang lebih lumayan. Bagi yang pernah bekerja sebagai pegawai tadbir, mereka merasakan bahawa terdapat terlalu banyak birokrasi di dalam pembayaran dan menyatakan ketidakpuasan mereka mengenai layanan kerajaan terhadap mereka. Sebelum menceburی bidang binaan, dua daripada mereka bekerja sebagai pegawai tadbir di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Oleh itu, mereka boleh dikatakan mempunyai sedikit sebanyak pengalaman mengenai perniagaan. Seorang bekas pegawai tadbir yang lain telah bekerja di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Melalui pendedahan beliau terhadap industri perumahan, dia dapat menggunakan pengetahuan untuk menerokai dunia pembinaan yang mencabar.

Sesorang kontraktor yang mengemukakan diri dia yang  
mempelajari di universiti dan dalam kerja lemasnya  
ialah jurutera sivil yang ditemui. Dia pernah bekerja  
di Jabatan Kerja Raya (JKR) di Segamat, Johor dan  
Johor. Dia pernah mengendalikan tender-tender semasa  
dia dalam kerja lemasnya. Oleh itu, dia dapat tahu  
segala selok-belok pembinaan dan dapat juga  
memastikan projek-projeknya akan dapat mencapai mutu  
yang dikehendaki oleh pihak kerajaan.

Responden yang paling menarik merupakan yang  
pernah bekerja sebagai buruh kasar di tapak pembinaan  
semasa kecil. Apabila dia berumur 17 tahun, dia  
terpaksa berhenti sekolah setakat sekolah menengah  
dan bekerja untuk menolong menyara adik-beradiknya  
yang ramai memandangkan keluarganya begitu miskin.  
Dia telah membuat berbagai jenis kerja termasuk kerja  
angkat batu, mengecat, letak simen, mandur dan lain-  
lain. Setelah bekerja sebagai buruh kasar selama 10  
tahun, dia bersama 2 adik-beradiknya telah membuka  
sebuah syarikat pembinaan yang kecil dengan menggunakan  
wang simpanan mereka.

Bekerang, dia merupakan antara kontraktor yang berjaya maju di Petaling Jaya. Dia mengaku bahawa antara sebab kejayaannya ialah kerana pekerjaan Iaunya sebagai buruh telah mendedahkannya kepada segala aspek industri pembinaan daripada peringkat atas hingga ke peringkat bawah.

Oleh itu, dia boleh mengesan apabila pekerja-pekerjanya tidak membuat kerja dengan betul dan dia tidak bergantung hanya kepada laporan mandurnya untuk mengetahui prestasi pekerja-pekerjanya. Dia sendiri boleh menjalani pemeriksaan ke atas pekerja-pekerjanya yang jarang dibuat oleh kontraktor-kontraktor lain.

Dua kontraktor pula tidak pernah bekerja sebelum ini. Mereka menceburji bidang ini kerana mereka mempunyai keluarga yang memang sangat aktif dalam bidang binaan. Seorang daripada mereka telah mendapat ijazah Kejuruteraan dari Amerika Syarikat dan cuba menggunakan teknik-teknik terbaru dan canggih dalam industri pembinaan.

Latarbelakang peribadi kontraktor yang berbeza sedikit sebanyak mempengaruhi cara perniagaan seorang kontraktor. Misalnya yang kuat berpegang kepada agama enggan berhutang kerana beranggapan bahawa ia adalah bertentangan dengan Islam.

**Pengkaji mendapat kontraktor yang paling berjaya adalah kontraktor yang menyukai bidang kerjanya dan menggunakan pengalamannya yang luas dalam bidang pembinaan untuk mencapai mutu kerja dan keuntungan yang maksima.**